

# ACCURATE

LAPORAN KIK HORIZON BAHARU

EDISI 2019



**LEADING  
GENOVATION**

KONVENSYEN KIK  
JABATAN TANAH DAN  
SURVEI SARAWAK



PERMOHONAN  
PENDAFTARAN  
**PUSAT ASUHAN**  
LEBIH MUDAH





# ISI KANDUNGAN

## 01

### RINGKASAN EKSEKUTIF

Penjelasan Projek  
Keberhasilan Projek  
Impak

## 07

### TINDAKAN PENYELESAIAN

Konsep Penyelesaian  
Penghasilan Produk

## 03

### KOMITMEN & PENGLIBATAN

Latar Belakang Kumpulan  
Penglibatan Pihak  
Pengurusan

## 11

### WEB BASED LASTeC

## 15

### KEBERHASILAN PROJEK

Pencapaian Outcome Projek  
Keberkesanan Impak Projek

## 17

### PERANCANGAN MASA HADAPAN

## 04

### SIGNIFIKAN & PEMBUKTIAN

Kaitan Halatuju Jabatan  
Memenuhi Kehendak Pelanggan  
& Stakeholder  
Agenda dan Dasar Nasional

## 12

### APLIKASI MOBIL LASTeC

Keistimewaan LASTeC  
Perakuan Pihak Bertauliah

## 16

### POTENSI PENGEMBANGAN

Tahap Ketersediaan  
Teknologi  
Tahap Replikasi

## 18

### INDEKS DAN ISTILAH

# PRAKATA



Tahniah dan syabas kepada Kumpulan *ACCURATE*, Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Mukah kerana sekali lagi telah berjaya menghasilkan projek KIK bagi tahun 2018/2019. Diharapkan projek ini dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah yang telah dikenalpasti.

Penghargaan ini juga dirakamkan kepada pihak pengurusan Jabatan Tanah dan Survei Sarawak atas inisiatif serius dan berterusan dalam menggalak dan membudayakan pemikiran secara inovatif dan kreatif di kalangan kakitangan di semua peringkat melalui penganjuran Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) sempena sambutan Hari Inovasi dan Integriti Jabatan (HIITS) setiap tahun.

Pada tahun ini, Kumpulan *ACCURATE* telah melaksanakan projek KIK berkaitan Permohonan Sementara Penggunaan Bangunan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA).

Permohonan penggunaan sementara ini mempunyai keutamaan yang tinggi dalam memastikan pembangunan sesebuah kawasan. Oleh itu, proses permohonan dan pemprosesan perta-pakan haruslah lebih mudah dan cepat bagi memastikan rakyat mendapat manfaat dan kesejahteraan hidup yang sepatutnya.

Usaha Kumpulan *ACCURATE* dalam mengenal pasti punca-punca yang menyumbang kepada masalah ini dan memperkenalkan cadangan-cadangan penyelesaian diharap akan dapat meminimumkan masalah ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan sekalung penghargaan kepada semua ahli Kumpulan *ACCURATE* yang telah memberi sepenuh komitmen dan dedikasi dalam pelaksanaan projek ini. InsyAllah usaha kita ini akan membantu menyelesaikan permasalahan tersebut. Selamat maju jaya.

Sekian, terima kasih.

**Sr MONALIZA BT. HJ. ISMAIL**  
Penguasa Jabatan Tanah dan Survei  
Bahagian Mukah

# RINGKASAN EKSEKUTIF

## Nama Projek

- **LASTeC (Land And Survey Temporary Change of Use For Childcare System)**

## Bidang Inovasi

- **Penambahbaikan bidang kerja**

## Kategori Inovasi

- **Penciptaan**

## Tarikh Siap Projek

- **31 Jun 2019**

## I. PENJELASAN PROJEK



Permohonan Sementara Penggunaan Bangunan (untuk kegunaan TASKA) merupakan permohonan yang diterima dari pengusaha taska atau Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi penukaran kegunaan syarat kediaman kepada kegunaan taska.

Permohonan Sementara Penggunaan Bangunan ini merupakan salah satu kriteria / prosedur yang wajib dilakukan oleh pengusaha taska untuk mendapatkan lesen operasi dari Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sepertimana yang kita tahu pada masa seka-

rang terlalu banyak perkara yang tidak diingini berlaku keatas kanak-kanak semasa di bawah jagaan pihak yang diamanahkan. Berdasarkan pemerhatian kebanyakan tempat jagaan yang terlibat tidak mempunyai lesen dan sekaligus kepatuhan dalam syarat-syarat pengoperasian taska tidak dipatuhi.

Oleh itu, proses permohonan ini haruslah lebih mudah dan cepat bagi memastikan premis taska selamat dan kondusif untuk beroperasi. Selain itu, dengan adanya permohonan secara sah, ia akan menambah pendapatan kerajaan melalui kutipan pembayaran premium tambahan dan yuran kelulusan.

Terdapat taska yang beroperasi tanpa lesen disebabkan oleh kesukaran mendapat kelulusan daripada jabatan yang berpunca dari:-

- Kelemahan dalam memproses permohonan penggunaan sementara bangunan yang memakan masa agak lama disebabkan oleh prosedur yang panjang dan rumit.
- Pemohon agak sukar untuk memahami keperluan permohonan yang telah ditetapkan oleh jabatan.
- Masa menunggu kelulusan yang agak panjang.
- Pengusaha Taska kurang pendedahan mengenai kepentingan permohonan ini.

Selain daripada itu, kesukaran ibu bapa untuk mencari dan mengenalpasti taska yang berdaftar dan mengikut kemampuan masing-masing berikutan tiada maklumat lengkap taska berdaftar yang boleh di akses oleh ibu bapa dari segi lokasi, waktu operasi dan sebagainya.

Oleh yang demikian, sistem LASTeC dibangunkan bagi memudahkan dan mempercepatkan proses kelulusan Permohonan Sementara Penggunaan Bangunan. LASTeC boleh di akses melalui dua kaedah iaitu berasaskan web (*web-based*) dan aplikasi mobil (*mobile apps*).

Melalui laman LASTeC, pemohon boleh membuat Permohonan Sementara Penggunaan Bangunan secara

atas talian bagi menggantikan kaedah konvensional yang digunakan sebelum ini. Bagi pihak jabatan pula, LASTeC boleh membantu memantau dan mengurangkan pelanggaran syarat kegunaan tanah. Selain itu, ia memudah dan mempercepatkan proses permohonan tersebut.

Aplikasi mobil LASTeC pula dapat memudahkan orang awam untuk mengetahui kedudukan dan maklumat mengenai taska yang berdaftar. Bagi pemohon dan jabatan pula, status permohonan dapat dipantau secara langsung melalui aplikasi tersebut.

## II. KEBERHASILAN PROJEK (OUTCOME)



KESAN JANGKA PENDEK

- Memudahkan pemohon membuat permohonan penggunaan sementara bangunan berdasarkan kriteria yang ditetapkan tanpa tertakluk pada waktu dan hari bekerja sahaja.
- Mewujudkan sistem pemantauan status permohonan.
- Mengurangkan masa dan meminimakan ketidakseragaman serta kesilapan semasa memproses permohonan. Sekaligus ianya mempercepatkan kelulusan.
- Penjimatan kos dari segi pengurangan penggunaan kertas dan bahan pencetak serta kos penghantaran dokumen.
- Mengurangkan risiko kerosakan atau kehilangan dokumen permohonan melalui permohonan secara digital.



KESAN JANGKA PANJANG

- Menjimatkan ruang penyimpanan.
- Selari dengan matlamat Kerajaan Negeri dalam mempromosi dan mengetengahkan penggunaan teknologi dalam perkhidmatan awam.
- Mewujudkan kejiranan yang harmoni di kawasan pengusahaan taska yang sah.

## III. IMPAK

- Mewujudkan kesedaran di kalangan pengusaha taska berkenaan dengan kepentingan dan kewajipan dalam membuat permohonan penggunaan sementara bangunan.
- Dapat menjana ekonomi setempat, melalui pengwujudan peluang pekerjaan.
- Memudahkan orang ramai untuk mengenalpasti dan memilih taska mengikut kesesuaian dan kemampuan.
- Dengan adanya taska yang sah dan mengikut prosedur yang ditetapkan, keselamatan kanak-kanak lebih terjamin.
- Menyeragamkan prosedur permohonan di seluruh Sarawak.



# 1. KOMITMEN DAN PENGLIBATAN

## 1.a Latar Belakang Kumpulan (Lampiran 1-7)



**NAMA KUMPULAN :**  
ACCURATE

**DITUBUHKAN :**  
3 JUN 2011

**ORGANISASI :**  
JABATAN TANAH DAN SURVEI  
BAHAGIAN MUKAH



EZRA | SARBINI | KENNY | FAIZURY | SABRINA | NORSURYATI | AZMAN | AEZRA | AARON

## 1.b Penglibatan Pihak Pengurusan (Lampiran 8-9)

### Sokongan & Kelulusan Pihak Pengurusan Tertinggi

Hasil perbentangan beberapa projek kepada penguasa dan pengurusan tertinggi jabatan (Jawatankuasa Pemandu Kualiti), projek 'e-Childcare' telah dipilih untuk di laksanakan.

Semasa peringkat reka bentuk, sistem tersebut telah dijenamakan semula sebagai **LASTeC** (Land And Survey Temporary Change of Use For Childcare System).



# 2. SIGNIFIKAN DAN PEMBUKTIAN

## 2.a Kaitan Dengan Hala Tuju Jabatan (Lampiran 10-15)

### VISI JABATAN

Projek ini selari dengan visi jabatan iaitu "Mencapai Kecemerlangan Dalam Pentadbiran Dan Pengurusan Tanah" di mana ia membantu menambahbaik proses yang sedia ada dan secara tidak langsung meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan jabatan.

### MISI JABATAN

Projek ini membantu jabatan mencapai misi untuk menyediakan sistem penyampaian yang efisien dan efektif serta menepati *standard* pekhidmatan dan memenuhi kehendak rakyat dan negeri.

### OBJEKTIF CAWANGAN PERANCANGAN

Projek ini juga selari dengan objektif Cawangan Perancangan dalam mengawal serta mengatur penggunaan tanah bagi memastikan pembangunan fizikal yang dilaksanakan selari dengan objektif pelan pembangunan kerajaan. memenuhi kehendak rakyat dan negeri.

### FUNGSI CAWANGAN PERANCANGAN

Projek ini berkait secara langsung dengan fungsi Cawangan Perancangan iaitu memproses permohonan penggunaan sementara bangunan.

## 2.b Memenuhi Kehendak Pelanggan & Pemegang Taruh (Stakeholder)




### Pelan Strategik Jabatan

Mendokong Pelan Strategik Jabatan dalam memaksimumkan penggunaan teknologi maklumat bagi mewujudkan sistem penyampaian yang berkualiti sekaligus memelihara budaya organisasi yang menyokong penghasilan *standard* yang tinggi.

### Pembangunan Laman Web

Pengwujudan LASTeC telah direalisasikan dengan adanya ahli kumpulan yang berkemahiran dan berpengalaman dalam pembangunan sistem berasaskan *web*.

## 2.c Sejalan Dengan Agenda Dasar dan Matlamat Peringkat Nasional atau Negeri

 <p><b>Bidang Fokus</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan dengan mengutamakan rakyat.</li> <li>Merasionalisasikan institusi sektor awam untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi</li> </ul>	 <p><b>Bidang Fokus</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Penghasilan idea yang kreatif,</li> <li>Kerjasama antara jabatan dan agensi,</li> <li>Memerlukan kos perbelanjaan yang minimum,</li> <li>Melaksanakan dengan segera,</li> <li>Hasilnya berimpak tinggi,</li> <li>Meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat.</li> </ul>	 <p><b>Bidang Fokus</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Daftar masuk menggunakan satu unik id, Insentif dan Promosi Sarawakpay, Kerajaan digital</li> </ul>
---	---	---




2.d Kaitan Dengan Keadaan Isu Setempat dan Ekosistem Semasa



2.e Asas Dengan Kaedah Pemilihan Projek (Lampiran 18-19)

Hasil dari perbentangan tajuk kepada Jawatankuasa Pemandu Kualiti tersebut, tajuk eChildcare telah dipilih untuk dilaksanakan oleh kumpulan Accurate.

Kewujudan data isu atau masalah yang berkaitan telah di analisa adalah seperti pada lampiran.



2.f Penyataan Sasaran Outcome dan Impak Projek

a. Mencapai Matlamat

\* Dapat mengurangkan taska tidak berdaftar

Mewujudkan sistem yang mudah dan cepat untuk pengusaha mendapat kelulusan permohonan penggunaan sementara bangunan dan ini sekaligus menggalakan mereka untuk mendaftar taska.

\* Mempercepatkan proses kelulusan permohonan yang menepati kriteria

Dengan adanya sistem ini, proses kerja boleh dilakukan dengan mudah, cepat dan cekap kerana penukaran proses kerja dari manual ke digital. Pemprosesan permohonan boleh di lakukan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

\* Memudahkan pemantauan status permohonan

Penyemakan status permohonan boleh dilakukan terus secara atas talian.

\* Dengan adanya taska yang sah dan mengikut prosedur yang ditetapkan, keselamatan kanak-kanak lebih terjamin.

Permohonan yang diluluskan telah memenuhi kriteria yang ditetapkan terutama sekali dari segi keselamatan sekaligus memberi keyakinan kepada ibu bapa untuk menghantar anak ke taska tersebut.

\* Memudahkan pemantauan pelanggaran syarat guna tanah yang telah ditetapkan oleh pihak jabatan

Dengan adanya rekod taska yang berdaftar, mudah bagi jabatan untuk memantau dan mengambil tindakan.

\* Memudahkan orang ramai untuk mengenalpasti dan memilih taska mengikut kesesuaian dan kemampuan.


Melalui aplikasi mobil yang telah dibangunkan, ianya akan memudahkan orang awam untuk memilih taska mengikut kesesuaian dan kemampuan berdasarkan maklumat yang terdapat di dalam aplikasi tersebut.





# 3. TINDAKAN PENYELESAIAN

Kumpulan menggunakan metodologi 'Design Thinking' kerana ianya bersesuaian dengan kehendak kumpulan yang memberi fokus kepada *human* atau *user centric*.



## 3.a Strategi / Konsep Penyelesaian Kreatif dan Inovatif

### 3.a (i) EMPHATIZE (Pencarian Punca Masalah) (Lampiran 20)

Di dalam fasa 'Empathize', kumpulan telah menggunakan kaedah-kaedah verifikasi seperti gambarajah di sebelah bagi pencarian punca masalah untuk mendapat kefahaman yang mendalam dalam permasalahan.



### 3.a (ii) DEFINE (Pemilihan Punca Masalah)

Hasil penemuan dari 5 kaedah verifikasi yang dijalankan dari 11.03.2019 sehingga 20.03.2019, terdapat 4 punca masalah yang telah dikenalpasti iaitu:

- Kelemahan dalam memproses permohonan penggunaan sementara yang memakan masa yang agak panjang disebabkan oleh prosedur yang agak panjang dan rumit.
- Pemohon agak sukar untuk memahami keperluan permohonan yang telah ditetapkan oleh jabatan.
- Masa menunggu kelulusan yang agak panjang.
- Pengusaha Taska kurang pendedahan mengenai kepentingan permohonan penggunaan sementara.

Setelah punca masalah dikenalpasti, punca – punca masalah tersebut dijelaskan melalui Kaedah 5W 1H

(Lampiran 21)

### 3.a (iii) IDEATE (Proses Menjana Idea Bagi Penyelesaian Masalah)

<b>S</b> ubstitute	a)	Menukar pengesahan kelulusan permohonan daripada konvensional kepada pengesahan digital
<b>C</b> ombine	a)	Menggabungkan manual garis panduan dan penghantaran permohonan elektronik di dalam satu platform yang boleh diakses secara atas talian
	b)	Mewujudkan intergrasi di antara Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Tanah dan Survei dalam pemantauan permohonan
<b>A</b> dapt	a)	Penggunaan laman sesawang dan aplikasi mobile yang merangkumi teknologi terkini ( <i>Geo tagging &amp; QRC Code</i> ) yang seiring dengan kehendak/ keperluan semasa
<b>M</b> odify	a)	Penambahbaikan Borang Permohonan secara manual kepada Permohonan Elektronik
	b)	Penambahbaikan KPI dengan memendekkan bilangan hari pemprosesan
<b>P</b> ut to another use	a)	Pemantauan dan penjejakan status permohonan oleh pemohon
	b)	Penjanaan laporan
	c)	Sebagai panduan ibu bapa untuk mencari taska yang berdaftar
<b>E</b> liminate	a)	Surat kelulusan/ penolakan dijana secara automatik selepas keputusan daripada Pengarah tanpa melalui Penolong Pengarah (Perancangan)
	b)	Menghapuskan minit ke Seksyen Penilaian untuk semakan <i>enhanced premium</i>
	c)	Menghapuskan penggunaan kertas dengan mewajibkan penghantaran permohonan melalui sistem
<b>R</b> earrange	a)	Carta proses kerja distruktur semula





Kaedah SCAMPER digunakan untuk menjana idea bagi menyelesaikan 4 punca masalah yang telah dikenalpasti.

### 3.b Penghasilan Dan Pengujian Produk

#### 3.b (i) *Prototype* (Penyelesaian Terbaik Dipilih dan Dibangunkan)

Pembangunan LASTeC adalah melalui proses *System Development Life Cycle* (SDLC) yang telah dimulakan pada 4.4.2019. Proses pembangunan ini dilakukan secara in house oleh ahli kumpulan ACCURATE iaitu Encik Azman Bin Sulaiman dan Encik Aezra Yohanes Bin Ras. Melalui proses ini, kumpulan telah berjaya menghasilkan LASTeC pada 31.5.2019 untuk diuji cuba.

**KITARAN PEMBANGUNAN SISTEM LASTeC**  
*System Development Life Cycle (S.D.L.C)* (Lampiran 22)



#### 3.b (ii) *Test* (uji cuba dan penilaian pengguna) (Lampiran 23)

Setelah kumpulan berjaya menghasilkan prototaip LASTeC, uji cuba telah dijalankan dari kalangan pengguna (kakitangan, pengusahan taska serta agensi berkaitan) bertujuan mengenalpasti prototaip LASTeC dapat digunakan agar prototaip yang dihasilkan berjaya memenuhi keperluan sebenar.

Tempoh uji cuba telah dibuat pada 01.06.2019 sehingga 30.06.2019 dan soal selidik telah dijalankan bagi menentukan keberkesanan (*practically*) sistem LASTeC. Hasil uji cuba adalah BERJAYA.




**Web Based LASTeC (Lampiran 24)**


Kumpulan Accurate berperanan sebagai pembangun sistem dan juga pentadbir web. Pemohon (agensi berkaitan) boleh membuat permohonan dan memantau status permohonan.



**PAPARAN MASUK**



**PAPARAN DAFTAR**



**PAPARAN AKSES ADP**




**KELULUSAN AUTOMATIK**



**APO QUERY**




**PAPARAN VALUER - COMMENT**




**PAPARAN PENGGUNA**

**Aplikasi Mobil LASTeC (Lampiran 25)**


Kumpulan Accurate berperanan sebagai pembangun aplikasi di mana orang awam boleh mengakses maklumat yang dipaparkan dan juga mengenalpasti lokasi dan perihal maklumat TASKA yang diinginkan.



**PAPARAN MASUK**




**PAPARAN LOG MASUK/ DAFTAR**



**CARIAN TASKA**



**SENARAI TASKA**



**MAKLUMAT TASKA**



**KEISTIMEWAAN LASTeC**



- Penggunaan **'Geo-tagging'** untuk menanda lokasi taska pemohon.
- Penggunaan **QR Code** untuk pemantaun tarikh luput kelulusan penggunaan sementara oleh pihak jabatan.
- **Realtime Report Generator**



**3.c Perakuan Daripada Pihak Bertauliah Pihak Berkuasa (Lampiran 26)**

**3.c (i) Perakuan JKMS**

Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat menyambut baik usaha untuk mewujudkan LASTeC kerana ianya dapat membantu dalam proses permohonan serta mesra pengguna. Mereka turut memperakui bahawa LASTeC memudahkan proses permohonan dilakukan yakni secara atas talian.



**3.c (ii) Perakuan Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS) - Staff Sains**

Pihak SAINS turut memperakui kelebihan dan potensi LASTeC di mana secara jelas dapat membantu dalam penambahbaikan proses kerja. Mereka telah mengesyorkan agar LASTeC dijadikan module dalam LASIS.



**3.c (iii) Perakuan pihak pengurusan tertinggi (ADP)**

Penolong Pengarah Perancangan, Pn. Peggy Ronin bersetuju bahawa projek LASTeC yang dibangunkan sangat berpotensi untuk dimasukkan menjadi salah satu modul dalam LASIS.



**3.d Metodologi / Strategi Pelaksanaan Inovasi (Lampiran 27)**

**Promosi**

Surat permohonan untuk mengadakan promosi kepada orang ramai mengenai Apps carian taska dan kepada operator tentang penggunaan laman sesawang bagi permohonan secara atas talian telah dihantar ke Ibu Pejabat bagi kelulusan Pengarah.



## 4. KEBERHASILAN PROJEK

### 4.1 Pencapaian Outcome Projek

#### 4.1.a Jabatan : Transformasi Keberkesanan Tadbir Urus Agensi (Lampiran 28)

- » Jumlah permohonan yang siap diproses meningkat. (produktiviti)
- » Mewujudkan sistem pemantauan status permohonan. (produktiviti)
- » Pengurangan masa dan meminimalkan ketidakseragaman serta kesilapan semasa memproses permohonan. (masa)
- » Penjimatan kos dari segi pengurangan penggunaan kertas dan bahan pencetak. (kos)
- » Permohonan secara digital dapat mengurangkan risiko kerosakan atau kehilangan dokumen permohonan. (keselamatan)
- » Statistik permohonan penggunaan sementara bangunan dapat dijana dengan mudah.
- » Mengukuhkan kerjasama antara Jabatan Tanah dan Survei dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. (sosial)
- » Menggalakkan penggunaan eLASIS seperti *eMap* dan *eSearch*.
- » Menyeragamkan prosedur permohonan di seluruh Sarawak.
- » Meminimalkan kesilapan semasa penyemakan permohonan.
- » Menjimatkan ruang penyimpanan dokumen.
- » Selari dengan matlamat Kerajaan Negeri dalam mempromosi dan mengetengahkan penggunaan teknologi dalam perkhidmatan awam.
- » Mengurangkan taska yang tidak bertauliah dan tidak berdaftar.
- » Memudahkan pemantauan pelanggaran syarat penggunaan tanah. (*Breach of Title Condition*)

### 4.2 Keberkesanan Impak Projek

#### 4.2.a Stakeholder : Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan

- » Penghasilan sistem yang akan memudahkan pemohon untuk membuat permohonan penggunaan sementara bangunan tanpa tertakluk pada waktu bekerja sahaja. (kualiti)
- » Memudahkan permohonan penggunaan sementara bangunan di seluruh Sarawak. (Kepuasan Pelanggan)
- » Mewujudkan sistem permohonan dan pencarian taska secara atas talian yang boleh digunakan di seluruh Malaysia. (kepuasan pelanggan)
- » Menyelesaikan masalah kueri yang disebabkan oleh maklumat yang dibekalkan tidak lengkap. (kepuasan pelanggan)
- » Mewujudkan kesedaran di kalangan pengusaha taska berkenaan dengan kepentingan dan kewajipan dalam membuat permohonan penggunaan sementara.

#### 4.2.b Sosial : Kesejahteraan Rakyat dan Negara

- » Mewujudkan kejiranan yang harmoni di kawasan pengusahaan taska yang sah.
- » Dapat menjana ekonomi setempat, melalui pengwujudan peluang pekerjaan.
- » Memudahkan orang ramai untuk mengenalpasti dan memilih taska mengikut kesesuaian dan kemampuan.
- » Dengan adanya taska yang sah dan mengikut prosedur yang ditetapkan, keselamatan kanak-kanak lebih terjamin.
- » Mengalakkan pembangunan taska berdaftar di sesebuah tempat.
- » Maklumat mudah dicapai, terkini, cepat dan tepat. (kualiti, kos dan masa)

## 5. POTENSI PENGEMBANGAN

### a. Tahap Ketersediaan Teknologi/ Sistem/ Proses (Lampiran 29)

- i. LASTeC ini telah menggunakan server HQ dan boleh di akses secara atas talian dengan menggunakan pautan <https://jts.sarawak.gov.my/ec2/index.php>
- ii. Penggunaan laman sesawang dan Aplikasi Mobil LASTeC telah diujicuba oleh operator Taska St Anthony dan pegawai memproses Cik Syasya Humaira Binti Samsue di ibu pejabat serta orang awam Puan Siti Norisah Binti Rajemi.
- iii. Mendapatkan Paten  
Kumpulan telah memohon ke ibu pejabat untuk mempatenkan sistem LASTeC dengan MyIPO bagi memelihara hak cipta sistem.



### b. Tahap Replikasi/ Pengkomersilan (Lampiran 30)

Kumpulan telah mengadakan taklimat penggunaan penukaran sementara kegunaan bangunan sebelum tindakan penyeragaman dilakukan ke seluruh bahagian di Sarawak.





**c. Perancangan Masa Hadapan**

**i. Sistem Aplikasi Mobil**

Meluaskan penggunaan laman sesawang LASTeC kepada sistem aplikasi mobil (*Android, iOS dan Windows*).



**ii. Penggabungan LASTeC ke dalam E-Lasis**

LASTeC diintegrasikan ke dalam E-Lasis.




**iii. Pembelian dan pembayaran secara atas talian**  
 Pembelian *Form Q* dan pembayaran *Enhance Premium* dibuat secara atas talian menggunakan *Sarawak Pay*.



**iv. Penggunaan *Robotic Process Automation (RPA)* dan *Machine Learning***

Penyemakan dokumen, pelan dan analisis data secara automatik.



**v. Penggunaan *Digital Signature (Digicert)***

Pengesahan kesahihan dokumen rasmi atas talian secara tandatangan digital.

**DIGITAL SIGNATURE AND AUTHENTICATION SERVICE**

It is a software-based product that digitally signs documents

**vi. Menyimpan maklumat *Query* dan sejarah permohonan yang di pohon semula.**

Semua rekod akan di simpan di dalam *server* untuk tujuan rujukan semula.



**INDEKS & ISTILAH**

**LASIS**

*Land And Survey Information System*

**LASTeC**

*Land And Survey Temporary Change of Use For Childcare*

**JTS**

*Jabatan Tanah dan Survei*

**RMK 11**

*Rancangan Malaysia Kesebelas*

**NBOS**

*National Blue Ocean Strategy (Strategi Lautan Biru Kebangsaan)*

**ERRC**

*Eliminate, Reduce, Raise, Create*

**SDLC**

*System Development Life Cycle*

**MyIPOW** Perbadanan Harta Intelek Malaysia

**SAINS**

*Sarawak Information Systems Sdn. Bhd*

**AVTC**

*Application of Variation for Title and Condition*





**EDISI KONVENSYEN  
KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF HORIZON BAHARU  
JABATAN TANAH DAN SURVEI SARAWAK 2019**